



28 Disember 2012
28 December 2012
P.U. (A) 480

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN
PERKHIDMATAN (DANA PAMPASAN PASARAN MODAL)
2012

*CAPITAL MARKETS AND SERVICES (CAPITAL MARKET
COMPENSATION FUND) REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN
(DANA PAMPASAN PASARAN MODAL) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 378(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Dana Pampasan Pasaran Modal) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 28 Disember 2012.

Pemakaian

2. Peraturan-Peraturan ini terpakai bagi Perbadanan Dana Pampasan Pasaran Modal dan Dana Pampasan Pasaran Modal yang ditubuhkan di bawah Bahagian IV Akta.

Tafsiran

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“Dana” ertinya Dana Pampasan Pasaran Modal;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Dana Pampasan Pasaran Modal.

Pelaburan wang dalam Dana

4. Perbadanan boleh melabur apa-apa wang yang membentuk sebahagian daripada Dana dan tidak diperlukan dengan segera bagi apa-apa maksud lain di bawah Bahagian IV Akta—

(a) dalam suatu deposit tetap atau apa-apa jenis pelaburan atau penempatan dengan suatu institusi yang berlesen;

- (b) dalam suatu skim unit amanah yang diluluskan oleh Suruhanjaya; atau
- (c) dalam apa-apa jenis pelaburan lain tertakluk kepada Perbadanan mendapatkan kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat seperti yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya.

Laporan pengawalseliaan kepada Suruhanjaya

5. Dalam tempoh tiga bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, Perbadanan hendaklah menyediakan dan menyerahkan suatu laporan pengawalseliaan secara bertulis kepada Suruhanjaya, berkenaan yang berikut:

- (a) jika Perbadanan melabur apa-apa wang yang membentuk sebahagian daripada Dana—
 - (i) butir-butir institusi berlesen yang dengannya deposit tetap atau apa-apa jenis pelaburan atau penempatan itu dibuat;
 - (ii) kadar atau kadar-kadar faedah berkaitan yang dibayar bagi deposit tetap atau pelaburan atau penempatan itu bagi tahun kewangan itu;
 - (iii) jumlah faedah atau keuntungan yang diperoleh daripada deposit tetap atau pelaburan atau penempatan bagi tahun kewangan itu;
 - (iv) cara dan masa pembayaran suatu faedah, keuntungan atau lain-lain bentuk pendapatan yang lain;
 - (v) sekuriti yang telah dilaburkan oleh Perbadanan;
 - (vi) kenaikan atau susut nilai pelaburan yang dipegang;